

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NASIONAL

SABTU, 29 OGOS 2020 BH

MukaDua

PKPP dilanjutkan hingga 31 Disember

Semua pihak diminta terus patuhi SOP, protokol kesihatan ditetapkan

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir Isnin ini, dilanjutkan sehingga 31 Disember.

Susulan perlanjutan tempoh PKPP itu, tindakan penguatkuasaan akan diteruskan oleh pihak berkuasa mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342).

Mengumumkan keputusan kerajaan itu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tindakan itu adalah untuk memastikan semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan yang ditetapkan.

"Tiada sesiapa dikecualikan daripada peraturan ini dan mana-mana individu yang melanggar akan dikenakan hukuman setimpal.

"Sehubungan itu, saya menyokong cadangan Kementerian Kesihatan (KKM) menaikkan kadar kompaun bagi kesalahan yang berkaitan, sekurang-kurangnya dua atau tiga kali ganda daripada kadar sekarang.

"Walaupun begitu perkara ini perlu diperhalusi dan Akta 342 itu perlu dipinda terlebih dahulu. Ke-

tika ini, penularan COVID-19 dalam negara adalah terkawal dengan hanya satu digit kes positif dicatatkan pada masa-masa tertentu," katanya menerusi perutusan khas yang disiarkan secara langsung di stesen televisyen, malam tadi.

Muhyiddin berkata, kedudukan ekonomi negara juga mula menunjukkan tanda positif ke arah pemulihan.

Katanya, wabak COVID-19 dapat dikawal atas tanggungjawab yang serius oleh rakyat untuk mencegah virus berkenaan, termasuk mematuhi SOP yang ditetapkan kerajaan dan membudayakan norma baharu kehidupan.

"Sungguhpun demikian, penularan COVID-19 pada peringkat global masih belum menunjukkan tanda akan berakhir dalam waktu terdekat.

"Sehingga kini, 22 juta kes positif COVID-19 dilaporkan dengan lebih 780,000 kematian. Negara jiran kita juga masih berusaha keras menangani penularan COVID-19," katanya.


Perdana Menteri berkata, ketika pelbagai pihak sedang berusaha untuk menghasilkan vaksin COVID-19, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menjangkakan penularan COVID-19 akan berlanjutan untuk satu tempoh masa yang agak lebih lama.

Katanya, justeru, menjadi keutamaan kerajaan pada masa ini untuk mengenal pasti kluster baharu yang mungkin wujud dalam negara dan mengambil tindakan segera untuk menghalang jangkitan dalam komuniti.

"Negara masih berhadapan risiko penularan COVID-19 seperti yang berlaku menerusi kluster Si-

Tiada sesiapa dikecualikan daripada peraturan ini dan mana-mana individu yang melanggar akan dikenakan hukuman setimpal.

Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri



Muhyiddin pada perutusan khas yang disiarkan secara langsung di stesen televisyen, malam tadi.

vagangga, Tawar dan Sala di Kedah; Sanglang di Perlis dan kluster di Sarawak, baru-baru ini.

"Risiko ini perlu ditangani segera dan dikawal dengan tindakan tegas dan tangkas sebelum ia merebak dengan lebih meluas," katanya.

Muhyiddin menegaskan kerajaan akan terus memperketatkan kawalan sempadan negara, selain mewajibkan warganegara yang pulang dari luar dan warga asing yang masuk ke negara ini, menjalani kuarantin selama 14 hari di stesen ditetapkan kerajaan.

Katanya, susulan lanjutan PKPP, kerajaan akan melaksanakan pendekatan secara bersasar seperti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar seperti dilaksanakan di beberapa kawasan sebelum ini.

"Walaupun PKPP dilanjutkan, saya yakin kehidupan saudara-saudari tidak akan terjejas kerana aktiviti harian boleh dilaksanakan seperti biasa dengan

pembudayaan norma baharu dan pematuhan kepada SOP yang ditetapkan.

"Yang penting ialah saudara-saudari mesti terus membiakan diri dengan pemakaian pelitup muka, membasuh tangan, sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengelakkan berada tempat yang sesak," katanya.

Perdana Menteri berkata, memandang pelitup muka adalah barangan keperluan yang digunakan hampir setiap masa, Kementerian Perdagangan, Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berunding dengan pihak pengilang dan pembekal untuk menurunkan harga pelitup muka.

Katanya, jika rundingan berkenaan berhasil, harga pelitup muka akan lebih berpatutan dan ini akan meringankan sedikit beban rakyat.

Beliau berkata, hampir semua sektor sudah dibenarkan beroperasi kecuali sebilangan kecil yang masih tidak dibenarkan se-

perti kelab malam dan pusat hiburan norma baharu agak sukar untuk diamalkan di lokasi sedemikian.

Katanya, kemasukan pelancong asing juga masih tidak dibenarkan untuk mengelakkan penularan kes import ke dalam negara, selain aktiviti sukan dibenarkan, tetapi tanpa pembabitian peserta antarabangsa dan penonton.

"Dengan semangat sambutan Hari Kebangsaan Ke-63 yang bertema Malaysia Prihatin, saya menyeru saudara dan saudari semua supaya sentiasa prihatin terhadap tanggungjawab kita untuk membendung penularan wabak COVID-19.

"Kita semua adalah *frontliners* yang berada di barisan paling hadapan untuk memerangi dan mencegah wabak ini. Saya percaya jika kita semua dapat memainkan peranan masing-masing dalam mencegah wabak COVID-19, negara kita akan berjaya untuk bebas daripada wabak ini dengan lebih cepat," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NASIONAL

BH SABTU, 29 OGOS 2020

3

Penularan COVID-19

Bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam negara, masyarakat Malaysia perlu bersama-sama memainkan peranan mereka kerana ini tanggungjawab sosial setiap individu.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan



10 kes baharu termasuk 8 import

904 dikesan positif dalam kalangan 106,793 pengembara tiba di Malaysia

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 10 kes baharu dengan lapan daripadanya membabitkan kes import.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata lapan kes import itu mendapat jangkitan di luar negara dan seorang daripadanya adalah warganegara.

"Jangkitan kes import itu membabitkan India iaitu lima kes di Kuala Lumpur dan dua di Selangor; manakala satu kes di Sarawak adalah jangkitan dari Filipina.

"Dua kes penularan dalam negara adalah satu kes mem-

babitkan warganegara Malaysia iaitu di Kedah dan satu kes bukan warganegara di Selangor.

"Kes bukan warganegara itu dikesan melalui saringan tahanan kerana mangsa adalah pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, terdapat lapan kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan enam daripadanya memerlukan bantuan pernafasan.

"Semalam (kelmarin) tiada pertambahan kematian berkaitan COVID-19 dan jumlah kumulatif kematian kekal 125 kes atau 1.34 peratus," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 904 kes positif COVID-19 dikesan dalam kalangan 106,793 pengembara yang tiba di Malaysia dan tiga negara mencatat kes tertinggi adalah Indonesia dengan 295 kes, Mesir (93) serta Singapura (70).

"Malaysia akan terus memperketatkan aktiviti kesihatan awam yang dijalankan di pintu masuk antarabangsa (PMA) un-

tuk memastikan jangkitan wabak itu disekat.

"Bagi membendung penularan jangkitan COVID-19 dalam negara, masyarakat Malaysia perlu bersama-sama memainkan peranan mereka kerana ini tanggungjawab sosial setiap individu.

"KKM menggesa masyarakat terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan setiap masa," katanya.

Ketika ini semua pengembara yang tiba di pintu masuk akan melalui proses saringan kesihatan, pengambilan swab, memuat turun aplikasi MySejahtera dan menjalani kuarantin diri di stesen kuarantin selama 14 hari.

Mengulas cuti panjang sempena sambutan Hari Kebangsaan, Dr Noor Hisham berkata, masyarakat disaran mengelakkan sebarang perhimpunan besar-besaran dan mengikut norma baharu.

"Pemakaian pelitup muka diwajibkan di tempat sesak dan sempit mulai 1 Ogos lalu, terutama jika penjarakan fizikal sukar diamalkan," katanya.

Nasional

Kontak rapat tiga individu positif di Melaka disaring

Alor Gajah: Semua kontak rapat tiga individu yang disahkan positif COVID-19 selepas menjalani rawatan di Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Sungai Udang, kelmarin, selesai menjalani proses saringan kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Rahmad Mariman, berkata turut menjalani ujian saringan ialah staf kesihatan mempunyai kontak rapat dengan tiga individu terbabit.

Belliau berkata, semua langkah yang perlu dalam menangani kes seumpama itu sudah diambil pegawai dan kakitangan Pejabat Kesihatan Daerah Alor Gajah, Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah dan Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak.

"Antara tindakan dijalankan ialah siasatan kes dan pengesanan kontak serta ketiga-tiga individu berkenaan sudah dimasukkan ke wad di Hospital Melaka.

"Sanitasi juga dijalankan di semua lokasi seperti rumah dan tempat kerja serta hospital ber-

kenaan dan arahan kuarantin juga diberikan kepada semua kontak rapat berisiko," katanya kepada BH, semalam.

Kelmarin, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, tiga kes penularan tempatan di Melaka membabitkan dua kes jangkitan saringan prapembedahan dikesan di Hospital Angkatan Tentera Kem Terendak, Sungai Udang dan satu kes jangkitan tempatan saringan bergejala di hospital sama.

Sementara itu, Masjid al-Jawahir di Pengkalan Balak, dekat sini, selesai menjalani proses sanitasi kelmarin, selepas dikenal pasti sebagai masjid didatangi seorang daripada tiga individu terbabit untuk bersembahyang.

Bagaimanapun, solat Jumaat semalam di masjid itu seperti biasa dengan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) mengeluarkan arahan, kelas takmir selepas solat Maghrib dan Subuh dihentikan selama dua minggu.



Proses sanitasi dilakukan di Masjid al-Jawahir Pengkalan Balak, dekat Alor Gajah, semalam.

(Foto Hasan Omar /BH)

KKM hasilkan dokumentari usaha bebas negara daripada pandemik

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menghasilkan dokumentari pendek bagi memberikan gambaran sebenar di sebalik tabir Pusat Kesiapsiagaan dan Tindakan Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) Perkhidmatan Hospital dan barisan hadapan dalam usaha memerdekakan negara daripada penularan jangkitan COVID-19.

Video berdurasi 10.46 minit yang dikongsikan di Twitter rasmi Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, itu memaparkan wajah wira yang bertungkus-lumus menjalankan kerja belakang tabir ketika negara berperang menentang COVID-19.

"Kita dapat kawal dengan baik iaitu berjaya landaikan lengkuangan," itu kejayaan pertama per-

juangan kita. Ia berjalan lancar, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berjalan lancar," katanya.

Dalam video itu, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan) merangkap Penasihat CPRC Perkhidmatan Hospital, Datuk Dr Rohaizat Yon, berkata pusat itu sudah lama wujud, tetapi tidak begitu menonjol dan disebabkan COVID-19, ia mendapat peruntukan khas serta menjadi lebih canggih.

"Mereka mengatakan Ketua Pengarah Kesihatan adalah ketua atau panglima paling besar dan saya sebagai panglima COVID-19, selain itu ada ramai pendekar, hulubalang dan laskar yang sanggup berjuang melawan virus ini.

"Mereka berperanan penting

melahirkan usaha besar, kewujudan kita lihat di CPRC Perkhidmatan Hospital ini lebih tersusun," katanya.

Selain itu, Pengarah Perkembangan Perubatan Bahagian Perkembangan Perubatan (Pengurus Insiden), Datuk Dr Norhizan Ismail, berkata pusat itu adalah nadi menjalankan aktiviti menggembleng tenaga untuk data kritikal.

Di akhir video, terdapat petikan sering diucapkan Dr Noor Hisham pada sidang media berhubung perkembangan terkini COVID-19 iaitu "terima kasih kepada semua rakyat atas kesabaran dan kerjasama diberikan kepada petugas barisan hadapan dan pihak berkuasa sepanjang tempoh sukar ini".

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 | Negara!



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/ SABTU 29 OGOS 2020

PKPP dilanjutkan hingga 31 Disember

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI


KUALA LUMPUR – Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang dijadual berakhir Isnin ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020.

Menurutnya, tindakan itu diambil berdasarkan situasi negara yang masih berdepan dengan risiko penularan Covid-19 menerusi kluster Sivagangga, Tawar dan Sala di negeri Kedah, Sanglang di Perlis dan juga kluster di negeri Sarawak baru-baru ini.

Katanya, berdasarkan perkembangan di peringkat global, negara terpaksa melalui satu tempoh yang agak lebih lama sebelum dibebaskan sepenuhnya daripada ancaman Covid-19.

"Justeru, demi kepentingan saudara-saudari sekalian, kerajaan telah memutuskan PKPP dilanjutkan sehingga 31 Disember.

"Dengan pelanjutan tempoh PKPP, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 masih boleh diambil. Ini adalah untuk me-



PELAYAR internet menyaksikan siaran langsung perutusan Perdana Menteri mengenai PKPP malam tadi.

astikan semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan yang ditetapkan," katanya pada Perutusan Khas PKPP yang disiarkan secara langsung semalam.

Ujarnya, negara masih

berdepan dengan cabaran getir dalam menangani penularan pandemik tersebut dengan mengambil kira penularan secara aktif di seluruh dunia.

"Saya sedar bahawa kita tidak boleh mengambil mudah risiko

penularan virus *super-spreader* di negara kita. Oleh itu peraturan kuarantin yang ketat di tempat-tempat tertentu akan terus dikuatkuasakan," jelasnya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan tidak akan mengam-

kan dwistandard dan tiada siapa dikecualikan daripada peraturan kuarantin dan mana-mana individu yang melanggarnya akan dikenakan hukuman setimpal.

"Sehubungan itu, saya juga menyokong cadangan Kementerian Kesihatan untuk menaikkan kadar kompaun bagi kesalah-kesalahan yang berkaitan sekurang-kurangnya dua atau tiga kali ganda dari kadar sekarang," katanya.

Menurutnya, perkara tersebut perlu diperhalusi yang memerlukan pemindaan Akta 342.

Muhyiddin turut menzahirkan keyakinan bahawa pelanjutan PKPP tersebut tidak menjejaskan kehidupan rakyat memandangkan aktiviti harian boleh dijalankan seperti biasa.

"Pada masa ini hampir semua sektor telah pun dibenarkan beroperasi kecuali kelab malam dan pusat hiburan.

"Kemasukan pelancong asing juga masih tidak dibenarkan untuk mengelakkan penularan kes-kes import ke dalam negara. Aktiviti-aktiviti sukan dibenarkan tetapi tanpa penglibatan peserta antarabangsa dan penonton," ujar Muhyiddin.

904 pengembara positif Covid-19

PUTRAJAYA – Sebanyak 904 pengembara yang tiba di negara ini dikesan positif Covid-19 dengan kes dari Indonesia mencatatkan rekod paling tinggi sebanyak 295.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah itu daripada 106,793 pengembara yang tiba di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) Negara setakat 27 Ogos lalu.

Beliau berkata, sebanyak 32.6 peratus kes atau 295 adalah dari Indonesia diikuti dengan Mesir dan Singapura masing-masing sebanyak 93 dan 70 kes.

"Sejumlah 904 kes dalam kalangan pengembara dikesan positif Covid-19 iaitu kadar positif sebanyak 0.85 peratus.

"Malaysia akan terus memperketatkan aktiviti kesihatan awam yang dijalankan di PMA Negara bagi memastikan jangkitan Covid-19 di luar negara dapat disekat," katanya di sini semalam.

Menurut Noor Hisham, semua pengembara yang tiba di PMA Negara akan melalui proses saringan kesihatan, pengambilan swab bagi ujian Covid-19, memuat turun aplikasi MySejahtera dan menjalani kuarantin di stesen kuarantin ditetapkan selama

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	10
• Import: 8 Tempatn: 2	
• Pullih	36
• Kematian	0
• Masih dirawat	151
• Jumlah kes sembuh	9,030
• Jumlah Kematian	125
Jumlah kes keseluruhan	9,306

14 hari.

"Trend jangkitan Covid-19 di Malaysia mahupun di peringkat antarabangsa dipantau rapi bagi memastikan tindakan kawalan untuk mencegah penularan jangkitan diambil segera," ujarnya.

Berhubung situasi terkini kes Covid-19 dalam negara, Noor Hisham berkata, sebanyak 10 kes baharu dikesan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 9,306.

Katanya, lapan kes adalah kes import membabitkan tujuh

warga asing dan seorang warganegara, manakala dua lagi adalah kes penularan tempatan.

"Tujuh kes import dari India dengan lima dikesan di Kuala Lumpur dan dua di Selangor selain satu kes di Sarawak iaitu dari Filipina," katanya.

"Baki dua kes adalah penularan tempatan melibatkan seorang warganegara di Kedah yang dikesan melalui saringan bergejala, manakala kes bukan warganegara membabitkan pendatang asing tanpa izin (PATI) dari Depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil.

"Kluster Bukit Jalil mencatatkan kes positif paling tinggi sebanyak 653 kes diikuti Kluster Tawar (73) dan Kluster Sivagangga (45)," katanya.

Dalam pada itu, daerah Hulu Langat di Selangor dan Padang Terap di Kedah bertukar kepada zon kuning semalam masing-masing dengan satu kes.

Kes positif di daerah Kuala Muda dan Baling pula masing-masing menurun ke 21 dan lapan kes berbanding 28 dan 12 kes kelmarin.

Empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Perak kekal zon hijau selepas tiada kes baharu sejak 14 Ogos lalu.

Seramai 88 individu ditahan ingkar PKP

KUALA LUMPUR – Seramai 88 individu ditahan atas kesalahan ingkar Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kelmarin, kata Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurutnya, daripada jumlah itu, seramai 84 individu telah dikompaun, manakala empat lagi direman.

"Antara kesalahan yang dikesan adalah gagal menyediakan peralatan dan catatan keluar masuk (31), tidak memakai pelitup muka (15), premis beroperasi lebih masa (3), parti persendirian (32) serta aktiviti melibatkan kehadiran orang ramai yang menyukarkan penjarakan fizikal (7)," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Tambah Ismail, sebanyak 434 pemeriksaan terhadap individu yang sedang menjalani kuarantin wajib 14 hari di kediaman masing-masing telah dijalankan dan mendapati mereka mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Katanya, seramai 18,401 individu telah ditempatkan di 68

hotel dan enam institut Latihan Awam (ILA) di seluruh negara selepas pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa.

"Daripada jumlah itu, seramai 7,965 sedang menjalani proses kuarantin wajib, 10,380 dibenarkan pulang, manakala 56 lagi telah dihantar ke hospital untuk mendapatkan rawatan," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, sebanyak 9,760 operasi sanitasi merangkumi 134 zon telah dilakukan di bawah kawal selia Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sejak 30 Mac lalu.

"Sebanyak 12,899 premis telah disanitasi yang terdiri daripada 2,702 pusat perniagaan, 5,680 bangunan kerajaan, 1,595 kawasan perumahan, 2,568 tempat awam dan 354 pasar raya," katanya.

Sehingga kelmarin, polis telah mengadakan 62 sekatan jalan raya Ops Benteng di seluruh negara dan memeriksa sebanyak 25,503 kenderaan bagi mengekang kemasukan pendatang asing tanpa izin.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Kosmo/ SABTU 29 OGOS 2020

Negara! | 5

Covid-19 #kitamestimenang



ATM sahkan tiga kes Covid-19 di hospital Kem Terendak

KUALA LUMPUR – Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mengesahkan terdapat tiga kes penularan tempatan Covid-19 dikesan di Hospital Angkatan Tentera (HAT) di Kem Terendak, Melaka kelmarin.

ATM dalam satu kenyataan berkata, tiga kes yang dikesan di HAT Kem Terendak melibatkan

pesakit yang mendapatkan rawatan di hospital berkenaan pada 24 Ogos lalu dan mereka terdiri daripada dua pesakit awam dan seorang anggota tentera.

"Pesakit awam berkenaan dikesan positif Covid-19 sewaktu saringan prapembedahan, manakala anggota tentera dikesan selepas mendapatkan rawa-

tan kerana bergejala.

"Ketiga-tiga mereka dirujuk ke Hospital Melaka bagi tujuan isolasi dan siasatan lanjut," katanya.

Menurut kenyataan itu, HAT Kem Terendak dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka melaksanakan kawalan pantas melalui pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) Kawalan

Jangkitan Peringkat Hospital bagi siasatan dan pengesanan kontak rapat pesakit Covid-19.

"Siasatan turut melibatkan petugas hospital, kerja-kerja dekontaminasi di kawasan disyaki tercemar, saringan dan isolasi.

"Sehingga semalam, 138 individu disyaki kontak rapat telah menjalani saringan dan sedang

menunggu keputusan.

"Usaha berkenaan dilaksanakan bagi menjamin keselamatan semua petugas hospital, pesakit dan kelangsungan perkhidmatan hospital itu sendiri," ujarnya.

Orang ramai dinasihatkan tidak membuat spekulasi yang boleh mewujudkan kebimbangan kepada masyarakat setempat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

2

#JanganPutusAsa
#Malaysia
Sinar

MEMERANGI WABAK COVID-19

SABTU 29 OGOS 2020 • SINAR HARIAN

PKPP sehingga 31 Disember 2020

Perdana Menteri mahu Malaysia bebas sepenuhnya daripada penularan Covid-19

Oleh MOHD HAFIZ ISMAIL

PUTRAJAYA

Kerajaan memutuskan bahawa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berakhir pada 31 Ogos ini dilanjutkan lagi sehingga 31 Disember 2020.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, melalui lanjutan itu, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 atau Akta 342 masih boleh diambil bagi memastikan semua pihak mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan protokol kesihatan yang ditetapkan.

"Saya sedar berdasarkan perkembangan di peringkat global, kita akan melalui satu tempoh yang agak lebih lama sebelum negara dapat bebas sepenuhnya daripada ancaman wabak koronavirus (Covid-19).

"Buat masa ini, keadaan terkawal namun sekiranya berlaku peningkatan kes jangkitan di lokasi tertentu, kerajaan akan melaksanakan pendekatan secara bersasar seperti Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) atau Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar seperti sebelum ini," katanya dalam Perutusan Khas Perdana Menteri yang disiarkan secara langsung malam tadi.

Beliau berkata, melihat kepada kes di luar negara, virus Covid-19 bukan

Muhyiddin menyampaikan perutusan khas mengenai PKPP yang disiarkan secara langsung dari Putrajaya malam tadi.



sahaja masih aktif malah menular cepat pada skala besar.

"Negara masih berdepan cabaran getir menangani penularan Covid-19 dengan mengambil kira virus tersebut yang masih menular secara aktif di seluruh dunia.

"Saya sedar bahawa kita tidak boleh mengambil mudah risiko penularan virus *super spreader*. Oleh itu, peraturan kuarantin yang ketat di tempat-tempat tertentu akan terus dikuatkuasakan.

"Tiada sesiapa dikecualikan daripada peraturan ini dan individu yang melanggarnya dikenakan hukuman.

"Saya juga menyokong cadangan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menaikkan kadar kompaun bagi kesalahan berkaitan sekurang-kurangnya dua atau tiga kali ganda daripada kadar sekarang. Walaupun begitu perkara ini perlu dipinda terlebih dahulu," katanya.

Muhyiddin juga yakin kehidupan rakyat Malaysia tidak akan terjejas kerana aktiviti harian boleh dilaksanakan seperti biasa dengan pembudayaan normal baharu dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP).

Kekang Covid-19

"Apa yang penting ialah kita perlu terus membiasakan diri dengan pemakaian pelitup muka, membasuh tangan, sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengelakkan berada di tempat-tempat yang sesak.

"Saya percaya semua ini telah pun saudara dan saudari lakukan, kita akan berjaya mengekang penularan wabak Covid-19 dalam masyarakat," katanya.

Jelasnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sedang berunding dengan pihak pengilang dan pembekal untuk menurunkan harga pelitup muka.

"Memandangkan pelitup muka satu barangan keperluan yang saudara-saudari gunakan hampir setiap masa, pihak KPDNHEP sedang berunding dengan pihak pengilang dan pembekal untuk menurunkan harga pelitup muka.

"Insya-ALLAH, jika rundingan itu berhasil, harga pelitup muka akan lebih berpatutan dan meringankan sedikit beban saudara-saudari sekalian," katanya.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini hampir semua sektor dibenarkan beroperasi kecuali sebilangan kecil seperti kelab malam dan pusat hiburan.

"Ini ialah tempat di mana normal baharu agak sukar untuk diamalkan.

"Kemasukan pelancong asing juga masih tidak dibenarkan bagi mengelakkan penularan kes-kes import ke dalam negara. Aktiviti-aktiviti sukan dibenarkan tetapi tanpa penglibatan peserta antarabangsa dan penonton," katanya.

Muhyiddin berkata, selaras dengan pelanjutan tempoh PKPP, Tabung Covid-19 yang diurus Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) akan dilanjutkan sehingga 31 Disember nanti.

"Sehubungan itu, pihak-pihak yang ingin menyumbang kepada tabung ini bolehlah berbuat demikian. Sumbangan itu akan digunakan untuk membantu mangsa Covid-19 dan menyediakan keperluan untuk membendung wabak ini.

"Dengan semangat Hari Kebangsaan ke-63 bertepatan Malaysia Prihatin, saya menyeru saudara dan saudari supaya sentiasa prihatin terhadap tanggungjawab membendung penularan Covid-19.

"Kita semua *frontliners* untuk memerangi wabak itu. Jika kita semua memainkan peranan mencegah Covid-19, negara kita akan berjaya bebas daripada wabak itu dengan lebih cepat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SABTU 29 OGOS 2020 • SINAR HARIAN



MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif kembali jadi dua angka

10 kes baharu, 36 pesakit pulih daripada jangkitan Covid-19

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes positif jangkitan pandemik koronavirus (Covid-19) semalam kembali mencatatkan dua angka dengan 10 kes iaitu lapan kes import dan dua kes penularan dalam negara berbanding lima kes kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, bagaimanapun berkata, seramai 36 pesakit Covid-19 dilaporkan telah sembuh dan dibenarkan discaj daripada hospital.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga mendapati jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya meningkat kepada 9,030 kes bersamaan 97 peratus daripada keseluruhan kes.

"Daripada 10 kes baharu, dua merupakan kes penularan dalam negara yang melibatkan masing-masing seorang rakyat tempatan dan warganegara asing.

"Kes warganegara telah dikesan di Kedah dalam saringan bergejala, manakala kes warganegara asing dikesan melibatkan saringan di depot Tahanan Imigresen Bukit Jalil, Selangor.

Beliau berkata lagi, lapan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara dan tujuh lagi mendapat jangkitan dari India dan satu dari Filipina serta Indonesia," kata Dr Noor Hisham menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, sehingga kini sebanyak lapan kes dirawat di unit rawatan rapi termasuk enam memerlukan bantuan pernafasan.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah tersebut menjadikan jumlah kes positif di Malaysia



DR NOOR HISHAM

adalah sebanyak 9,306 kes dengan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan sebanyak 151 kes.

"Tiada kes kematian dilaporkan pada hari ini (semalam) sekaligus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian di Malaysia kekal 125 kes iaitu 1.34 peratus daripada jumlah keseluruhan," katanya.

Dr Noor Hisham turut berkongsi data ketibaan pengembara di Malaysia sehingga 27 Ogos iaitu seramai 106,793 orang dengan 904 daripadanya dikesan positif Covid-19 iaitu sebanyak 0.85 peratus.

Daripada jumlah positif yang dikesan itu, sebanyak tiga kes tertinggi ialah daripada Indonesia iaitu sebanyak 295

kes atau 32.6 peratus, diikuti Mesir dengan 93 kes (10.3 peratus) dan Singapura 70 kes (7.7 peratus).


"Malaysia akan terus memperketat aktiviti kesihatan awam yang dijalankan di pintu masuk antarabangsa negara bagi memastikan jangkitan di luar negara dapat disekat," kata beliau.

Bersempena sambutan Hari Kebangsaan pada Isnin ini dan cuti hujung minggu panjang, beliau turut menasihatkan masyarakat untuk mengelakkan sebarang perhimpunan besar-besaran dan terus mengamalkan kebiasaan baharu.

"KKM juga ingin menekankan bahawa pemakaian pelitup muka adalah diwajibkan di tempat yang sesak dan sempit oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) mulai 1 Ogos lalu terutamanya sekiranya penjarakan fizikal sukar diamalkan," tegasnya.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 6 petang 28 Ogos 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 9,296 kes kepada 9,306 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN:	PULIH:	ICU:	KEMATIAN:	KES BAHARU
9,306	9,030	8	125	+10



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

SATURDAY, AUGUST 29, 2020 • NewStraitsTimes

NEWS / *Story of the day*

'UNDER CONTROL'

PM: RMCO EXTENDED TO YEAR-END

It will take time for country to be free from Covid-19, says Muhyiddin

VEENA BABULAL
 AND THARANYA ARUMUGAM
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

THE Recovery Movement Control Order (RMCO), which was earlier slated to end on Monday, has been extended to Dec 31, 2020.

Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, in a televised speech yesterday, said the decision was made following an increase of Covid-19 cases in countries around the world and that it would take time before Malaysia was finally free from Covid-19.

"Things are still under control, but if there is an increase in infections in particular localities in the country, the government will carry out targeted measures such as the Enhanced Movement Control Order (EMCO) or Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO)."

He was referring to the Siva-gangga cluster in Napoh, which forced the government to impose TEMCO in nearby areas.

He said throughout the RMCO's extension, enforcement would continue to be carried out under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342).

"Our country is still facing challenges in curbing the transmission of Covid-19, as it is still actively spreading around the world.

"I realise that we cannot risk taking this super-spreading virus lightly in the country. Therefore, stricter quarantine rules at certain locations will continue to be enforced," he said.

Muhyiddin stressed that nobody was exempted from these rules and that any individual found guilty of breaching the rules would be punished.

He also endorsed the Health Ministry's recommendation to increase the compound for those found guilty of breaching the standard operating

procedure (SOP).

"Relating to this, I am in full support of the recommendations by the Health Ministry to increase the quantum of compound for those found guilty of breaching the SOP, to at least double or triple the current amount of compound.

"However, we will need to look into the matter and amend Act 342 first and foremost."

The government imposed the Movement Control Order on March 18 to stem the Covid-19 infection, with the country seeing 125 new Covid-19 infections and 553 cases in total, two days before the order was enforced.

The spike in cases then was the worst among Southeast Asian countries. The stringent phase of the curbs then transitioned into a conditional phase on May 1 until June 9 before the RMCO kicked off on June 10.

Muhyiddin had earlier said the RMCO would see more relaxed restrictions for certain sectors.

Under the recovery phase, the business and education sectors were allowed to reopen in stages under the SOP.

He also said the government was working to reduce the price of face masks.

"Since face masks are a necessity that we use almost all the time, the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry is in talks with manufacturers and suppliers to lower the price of face masks.

"*InsyAllah*, if this negotiation is successful, the price of face masks will be more affordable. This will help ease the public's burden."


On the re-opening of economic sectors, Muhyiddin said almost all sectors had been allowed to operate, except nightclubs and entertainment centres.

These, he said, were places where new norms would be difficult to implement.

He also said foreigners were still not permitted to enter the country to halt imported cases.

"Sports activities are allowed, but without the involvement of international participants and spectators."

He said in line with the extension of the RMCO, the Covid-19



Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin announcing the Recovery Movement Control Order extension in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

Fund managed by the National Disaster Management Agency would also be extended.

Muhyiddin said although the RMCO had been extended, the livelihoods of the people would not be affected by the new norms and SOP.

"We must continue to wear face masks, wash our hands regularly, maintain personal hygiene and avoid crowded places."

In the spirit of the 63rd National Day celebration themed "Malaysia Prihatin", he reminded Malaysians to be caring and responsible towards one another in their fight against the virus.

"We are all frontliners who are at the forefront in our fight against the pandemic. If we can play our part in curbing Covid-19 infections, our country will succeed in this battle more quickly."

Additional reporting by Farah Sohi

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS/NATION

NewStraitsTimes . SATURDAY, AUGUST 29, 2020 •

4 | NEWS / Nation

PANDEMIC WATCH

NOOR HISHAM: FOLLOW S.O.P. DURING LONG WEEKEND

Health D-G reminds public to avoid large gatherings, adopt new normal practices

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my



Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

IN conjunction with the long National Day weekend, the Health Ministry has reminded the public to avoid large gatherings, adopt new normal practices and adhere to the standard operating procedure (SOP) under the recovery phase of the Movement Control Order.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah reminded the public to put on face masks in crowded and confined areas as required by the National Security Council.

"To curb the spread of Covid-19, every Malaysian has a role to play and it is their social responsibility (to keep the country and its people safe).

"The Health Ministry urges the public to continue adhering to the SOP set by the government at all times," he said in a statement yesterday.

He said the government would continue to conduct public health screening at international entry points to ensure that imported Covid-19 infections could be detected and stopped.

Up to Thursday, 904 out of 106,793 returnees from abroad tested positive for Covid-19, with an infection rate of 0.85 per cent.

"Out of the 904 cases recorded, three countries topped the list of most number of cases with Indonesia with 295 cases (32.6 per cent), Egypt 93 cases (10.3 per cent) and Singapore 70 cases (7.7 per cent).

"Monitoring at the country's international entry points will be enhanced, where all travellers

must complete the health screening process, take the Covid-19 swab test, download the MySejahtera app and undergo the mandatory 14-day quarantine."

On daily case updates, Dr Noor Hisham said the ministry logged 10 new cases comprising two local transmissions involving a Malaysian and a foreigner.

"The case involving the Malaysian was detected in Kedah from a symptomatic screening.

"The case involving a foreigner was detected from a screening on an illegal migrant at the Bukit Jalil Immigration detention depot."

He said the eight other cases were imported cases involving one Malaysian and seven foreigners. Among the eight, seven were returnees from India (five in Kuala Lumpur and two in Selangor) and the Philippines, including one case in Sarawak. This brings the cumulative number of Covid-19 cases to 9,306, with 151 active cases.

Dr Noor Hisham said 36 people had recovered, bringing the total number of patients discharged to 9,030 (97 per cent).

Eight patients were being treated in the Intensive Care Unit, and no new deaths were recorded.

88 held for violating RMC0

KUALA LUMPUR: The police detained 88 individuals for flouting the Recovery Movement Control Order yesterday, said Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

The senior minister (security cluster) said 84 were compounded, while four were remanded.

The violations included failure to provide equipment to record entries at premises (31), not wearing face masks (15), premises operating beyond the permitted hours (three), holding private parties (32) and engaging in activities that made it difficult to observe physical distancing (seven), he said in a statement yesterday.

He said the authorities also conducted checks at supermarkets, restaurants, hawker stalls,

factories, banks and government offices, as well as land, water and air transport terminals.

Ismail Sabri, who is also defence minister, said 18,401 people had returned to Malaysia since July 24. All of them have been placed in 68 hotels and six public training institutes for mandatory quarantine.

"From the total, 7,965 individuals are undergoing mandatory quarantine, while 56 individuals have been sent to hospitals for treatment. A total of 10,380 individuals have been allowed to go home."



Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob

Ismail Sabri said the police conducted checks on 434 individuals undergoing the mandatory two-week home quarantine, and found that all of them were adhering to the standard operating procedures.

He said the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry officials conducted checks on 12 types of goods at 693 premises, including 495 retailers, 168 wholesalers and 30 manufacturers.

"Overall, there is sufficient supply of goods."



Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba (left) speaking to donors after the handing over of contributions for the fight against the Covid-19 pandemic at the ministry's headquarters in Putrajaya yesterday. BERNAMA PIC

10 donors contribute RM5.2m worth of products

PUTRAJAYA: The Health Ministry yesterday received contributions of Personal Protective Equipment (PPE), personal hygiene products, medical equipment and face masks worth RM5.2 million from 10 donors.

The items were handed to Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba at the ministry's headquarters here.

L'oreal Malaysia Sdn Bhd donated 10,000 sets of beauty products valued at RM2.5 million, while Nanjing Development Sdn Bhd and Nanjing Tica Climate Solutions Co Ltd (China) jointly do-

minated RM1 million worth of ICU/OT NX-AHU hybrid medical devices.

The Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA), the International Trade and Industry Ministry and the United Nations Development Programme jointly donated 40,300 sets of PPE worth RM420,000.

Stenta Films (M) Sdn Bhd and Stenta Multifilms Sdn Bhd, in cooperation with MPMA, donated 5,000 sets of PPE worth RM35,000.

The Malaysian Federation of Alumni Associations of Taiwan

Universities donated 2,500 sets of PPE and 3,000 units of face masks worth RM110,500.

Persatuan Sukarelawan Penyelesaian Kecemasan dan Perubatan Bakti Malaysia gave 3,000 units of staphylococcal enterotoxin C injection worth RM105,000.

RB (Health) Sdn Bhd contributed 300,000 units of Dettol soap worth RM628,692.80, apart from 100,000 face masks.

Foraypack Industry Sdn Bhd, in cooperation with MPMA, Hoe Pharmaceuticals Sdn Bhd and Gabungan Dakwah Malaysia, contributed face masks.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : NATION

RMCO extended till New Year's Eve

Decision made because there are still new daily cases, says Muhyiddin

By ZAKIAH KOYA
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Despite Malaysia's admirable efforts in battling the Covid-19 pandemic, the recovery movement control order (MCO) has been extended to Dec 31.

In announcing this yesterday, Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the decision to extend the recovery MCO, which was supposed to end on Aug 31, was made as there were still new cases daily in the country.

In a live telecast to the nation, he said the government still needs to enforce the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Act 342) to control the pandemic.

"The government has decided to extend the recovery MCO to Dec 31. With this extension, enforcement actions can continue to be taken under Act 342.

"The global spread of Covid-19 has yet to show signs of abating in the near future.

"Our country is still facing challenges in handling this pandemic as



Be patient: Muhyiddin announcing why the government has decided to extend the recovery MCO. — Bernama

the (SARS-CoV-2) virus is still spreading actively all over the world.

"Seeing that cases are happening overseas, this virus is not only active but is also accelerating to a bigger scale, and we cannot afford to take lightly the threat of super-spreaders in our country," he said.

Muhyiddin cited the recent clusters in Sivagangga, Tawar and Sala in Kedah; Sanglang in Perlis; and the cluster in Sarawak as examples of why there needs to be more stringent enforcement to ensure that the pandemic is contained.

"The government will also tighten control at our borders.

"We have forced those who return from overseas (locals and foreigners) to undergo a 14-day quarantine at stations identified by the government.

"The quarantine in certain places will also continue to be enforced," he said.

Muhyiddin also backed the recent proposal by the Health Ministry to increase the compound rates for those who violate the recovery MCO.

"I also support the Health Ministry proposal to raise the compound rate for offences (against the recovery MCO) by at least twice or thrice the present rate.

"However, this needs to be studied and Act 342 has to be amended," said Muhyiddin.

On Tuesday, the Health Ministry proposed that the government increase the fine for compoundable offences under the Act from the current RM1,000 to RM10,000.

Muhyiddin also said that as the face mask is now a basic need, the government is in discussion with suppliers on how to further lower

the price.

The extension means that night-clubs and entertainment centres will still not be allowed to operate.

"These are places where new norms are difficult to be enforced.

"Foreign tourists will still not be allowed in to avoid any imported cases into the country.

"Sports activities will be allowed, but without foreign participants," said Muhyiddin.

Malaysia confirmed 10 new Covid-19 cases — eight imported cases and two local transmissions — yesterday.

This brought the total number of cases in the country to 9,306 since the outbreak began.

The country's death toll remained at 125, or a 35% fatality rate, and the last time Malaysia saw a fatality related to Covid-19 was July 31.

The latest cluster in the country is Tawar cluster, which has 73 confirmed cases so far.

Aman Jaya in Kedah was put under an enhanced MCO indefinitely beginning yesterday.

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NATION

6 Nation

THE STAR, SATURDAY 29 AUGUST 2020

Testing times for Aman Jaya folk

About 22,000 residents get screened to track down source of infections

By N. TRISHA
 trishang@thestar.com.my

SUNGAI PETANI: There was anxiety among residents of Aman Jaya here as they waited outside makeshift testing centres to get swabbed for Covid-19.

Unsure of the source of infection that had triggered a lockdown in their area, many of the 22,000-odd residents made sure they lined up to get tested.

Technician Mohd Ikwon Mohd Nasir, 25, said people from his neighbourhood were told to come in stages for the test that began at 8am yesterday.

"It is worrying as we are a close-knit community where we are all friends," said Ikwon, who was with his wife and child at the Surau Salahuddin Al-Ayyubi in Taman Melor, Aman Jaya, Kedah.

Ikwon said he was shocked to hear that the enhanced movement control order (MCO) had been enforced there.

"I knew there were people who tested positive for Covid-19 in the area, but I did not expect it to be this bad," he said.

The enhanced MCO in Aman Jaya covered

three zones of Kenanga, Mawar and Melor involving 22,369 people.

The district of Kuala Muda, where Aman Jaya is located, has seen 29 cases recently, with 26 linked to the Tawar cluster.

The Tawar cluster was triggered by a man who attended a family funeral gathering on July 31 and Aug 1.

Housewife Ropisah Ayub, 61, was seen aiding her 83-year-old mother Chapuan Isa back to their house after being tested.

"We are worried. My mother is old and she can hardly walk.

"She has not been out of her house since the MCO was implemented in March but we never expected our housing area to be affected and on lockdown," she said.

She said that her grandchild was in the same school where some students had apparently been found to be infected.

"So there are worries, as I babysit my grandchild," she said.

Bus driver V. Manickam, 55, said he was given a pink and a white wristband after the test.

"As the head of the household I will go out to get rations but I am not sure which areas we are allowed to visit.

"I was informed that I must show them the letter that we were given after the test.

"I am a bus driver but the school, where I send the students to, is outside the lockdown area. So, arrangements have to be made for the children that I usually ferry," he said.

Manickam said his grandchild would have

to skip school as well.

The tests did not go down well for everybody.

Mohd Adib Hanafi Mohd Azizi, seven, was seen kicking and screaming when medical personnel inserted a cotton swab into his nose.

He had to be held down by his father Mohd Azizi Mohd Noor, 35.

"I told him beforehand about the procedure, but I guess it must have been overwhelming for him.

"They took his sample before tagging him with a pink wristband," he said.

Azizi said he stopped sending his children to school when he heard about the earlier cases.

"I heard two students and a teacher living in our area test positive for Covid-19. I do not want to risk it," he said.

Senior Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob has stated that the locality would be under lockdown pending further decision from the Health Ministry.

Watch the video
 thestartv.com

AKHBAR : THE STAR
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NATION

Sarawak still waiting for Health Ministry's reply on medical officers

SIBU: The plight of medical officers (MOs) here, whose contracts have not been renewed, still persists with Sarawak United Peoples' Party (SUPP) saying that it is awaiting a response from the Health Ministry.

SUPP central education bureau chief Datuk Ding Kuong Hiing said it had followed the issue since January and issued five press statements and three open letters to the 222 MPs.

The Health Ministry had not replied to any of the letters or press statements, he said, referring to the issue of contract renewal of MOs, dental officers and pharmacists, particularly those from Sarawak.

In a statement yesterday, Ding said on Aug 3, the Chief Minister, via his principal private secretary, Datuk Khir Busrah, wrote to Deputy Health Minister Datuk Aaron Ago Dagang to express his support for four Sarawakian medical officers to be given permanent posts.

However, he claimed the ministry did not respond to the letter.

Ding said the ministry should implement the policy stated in its Feb 16, 2016 directive to all state Health Departments that MOs

“
 Such medical officers will be assisted in training and planning, so they can pass the postgraduate examinations.”

Datuk Ding Kuong Hiing

”
 who had passed certain parts of a Specialist Examination of UK/Australia must register with the Medical Development Division.

“Such medical officers will be assisted in training, planning, among other things, and certain placement (rotation posting), so that they can successfully pass the postgraduate examinations within the stipulated time and be eligible to be gazetted.”

Ding said it was the bureau's view that a Sarawak medical council should be formed as a body independent of the Malaysian Medical Council to register and regulate medical practice in Sarawak.